

Taklimat tertutup PAS tak bincang tahluf siyasi dengan PKR
Free Malaysia Today
Jun 2, 2016
Faiz Zainudin

Presiden PAS hanya memberi amanat kepada perwakilan PAS dan menjawab segala tohmahan yang dilemparkan pihak luar terhadap parti Islam itu.

KOTA BHARU: Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang langsung tidak menyentuh soal tahluf siyasi dengan PKR semasa sesi amanat bersama Presiden.

Perkara itu disahkan Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan ketika ditanya intipati perbincangan perwakilan bersama pucuk pimpinan secara tertutup sempena Muktamar Tahunan PAS ke-62.

“Itu (tahluf siyasi dengan PKR) tidak disebut. Itu belum ada,” katanya selepas menghadiri taklimat tertutup itu di Dewan Jubli Perak Majlis Perbandaran Kota Bharu malam tadi.

Selain mendengar amanat Hadi, pimpinan PAS turut menjawab beberapa tohmahan pihak luar yang disuarakan perwakilan.

“Yang lain itu saranan daripada presiden soal dalaman parti serta hala tuju kita (PAS) dari segi mengamalkan ‘budaya politik matang sejahtera’,” katanya.

Semalam, Dewan Muslimat PAS menerima usul mendesak parti Islam itu mengkaji semula hubungan tahluf siyasi dengan PKR terutama pada pilihan raya umum akan datang.

Usul yang dikemukakan Dewan Muslimat PAS Kedah pada Muktamar Dewan Muslimat PAS ke-56 itu diterima tanpa bahas dan akan diserahkan kepada Majlis Syura Ulama PAS.

Hadi pernah dilaporkan sebagai berkata, hubungan PAS dengan PKR masih baik dan berjalan seperti biasa walaupun wujud beberapa kemelut dengan sekutunya berhubung peletakan calon di PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar pada 18 Jun nanti.

Muktamar Tahunan PAS ke-62 ini merupakan muktamar pertama selepas ‘golongan profesional’ dibersihkan daripada parti Islam itu dan menubuhkan AMANAH.

PAS kini berwajah baru apabila ia diterajui golongan ulama dan kekuatannya bakal diterjemahkan menerusi muktamar tahun ini, sekaligus membuktikan kepada rakyat bahawa parti Islam itu mampu berdiri sendiri tanpa perlu bergabung dengan parti pembangkang lain dalam Pakatan Harapan.

Kira-kira 2,000 perwakilan dan pemerhati dijadual menghadiri muktamar itu di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (PUTIK), Pengkalan Chepa membabitkan tiga sayap, iaitu Dewan Ulama, Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/06/02/taklimat-tertutup-pas-tak-bincang-tahaluf-siyasi-dengan-pkr/>